

# UPM tegaskan laporan jurnal sudah disemak, disahkan pakar

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menjelaskan, artikel kajian '*The Jongs and The Galleys: Traditional Ships of The Past Malay Maritime Civilization*' disenaraikan dalam pangkalan data *Excellence In Research For Australia (ERA)* mempunyai polisi '*blind peer reviewed, refereed journal*'.

UPM dalam kenyataannya, berkata perkara berkenaan bermaksud jurnal kajian itu sudah disemak pakar dalam bidang yang tiada kaitan dengan penyelidik bagi mengelak konflik kepentingan untuk mengesahkan dapatan kajian.

"UPM memandang serius dakwaan ditujukan kepada universiti. Oleh kerana penyelidikan ini bersifat akademik, UPM berpandangan adalah wajar isu ini dibincangkan dalam ruang akademik.

"Juga harus dipertimbangkan bahawa bidang sains sosial dan ke manusiaan adalah terbuka kepada interpretasi untuk pelbagai tafsiran yang mana ia amalan baik untuk kajian seperti ini bagi tujuan penambahbaikan," katanya, semalam.

Menurut kenyataan itu, UPM komited memelihara martabat pendidikan tinggi dan meneruskan integriti dalam aktiviti penye-

lidikan ilmiah serta penerbitan akademik.

## Dakwa terbit fakta salah

Kelmarin, seorang sejarawan Perancis mendakwa dua ahli akademik UPM menampilkan fakta salah berkaitan sejarah pelayaran Melayu dan mempersoalkan kredibiliti jurnal akademik tempat ia diterbitkan.

Dalam satu catatan Facebook, Serge Jardin menamakan Rozita Che Rodi dan Hashim Musa - kedua-duanya ahli akademik UPM, sebagai penulis kertas berjudul '*The Jongs and The Galleys: Traditional Ships of The Past Malay*

2 ahli akademik UPM didakwa silap fakta sejarah pelayaran Melayu



Laporan  
disiarkan BH,  
semalam.

*Maritime Civilization'* yang diterbitkan dalam *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, Jilid 13, Isu 11, 2023*.

Jardin mendakwa imej digunakan dalam kertas mereka untuk menunjukkan model Jong Melayu (sejenis kapal layar yang berasal dari Jawa, Indonesia yang digunakan secara meluas oleh pelaut Jawa, Sunda, dan kemudian oleh pelaut Pegu dan Melayu) sebenarnya adalah Kapal Kargo Foochow Pole (sejenis kapal kargo) dari China.